

1,000 francais akan diwujudkan dalam RMK-8

UM 22 JUL 2003

KUALA LUMPUR 21 Julai — Kementerian Pembangunan Usahawan yakin dapat mewujudkan 1,000 francais dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), kata Timbalan Menteri, Datuk Khalid Yunus.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 694 francais dalam pelbagai sektor seperti pembuatan dan makanan berjaya diwujudkan oleh kementeriannya di seluruh negara.

Menurut Khalid, beliau yakin sasaran akan berjaya kerana hingga kini 189 produk berdaftar dalam sistem francais dan masih terdapat sekitar 100 produk francais yang berpotensi untuk didaftarkan.

"Kami percaya sasaran 1,000 francais dapat diwujudkan dan kita telah mengenal pasti beberapa pihak yang berpotensi untuk menceburi bidang ini seperti golongan pesara, wanita dan siswazah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mewakili Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz merasmikan Seminar dan Ekspo Program Siswazah Dalam Perniagaan Francais di Bangunan Mara, di sini hari ini.

Katanya, sejak program te-

rsebut diperkenalkan oleh kementeriannya dua tahun lalu, sambutan pelbagai pihak menggalakkan dan akan dilanjutkan hingga berakhir RMK-8.

"Kita akan membuka peluang kepada golongan wanita dan pesara untuk menceburi perniagaan francais dengan bimbingan teori dan praktikal. Kita juga bersedia memberi pinjaman hingga 90 peratus dengan kadar faedah 4 peratus.

"Tapi kita berharap bidang francais yang diceburi harus memberi tumpuan kepada bidang kemahiran dan tidak hanya tertumpu pada makanan kerana orientasi kita

ialah melahirkan lebih banyak pengkhususan dalam bidang bar-u," katanya.

Khalid berkata, pihak yang layak dan mampu menceburi bidang francais wajar merébut peluang daripada peruntukan RM100 juta menerusi Tabung Latihan Semula di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan 21 Mei lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengembangkan perniagaan francais kepada pesara, golongan wanita dan para siswazah.

Terdahulu dalam teks ucapan Nazri yang dibacakan oleh Khalid, Nazri berkata, di bawah Skim Pembiayaan Francais sebanyak 102 syarikat francais dan francais telah mendapat pinjaman berjumlah RM26.24 juta.

Beliau juga memberitahu Tabung Usahawan Siswazah juga turut memberi pinjaman RM12.7 juta kepada 150 siswazah untuk menceburi bidang perniagaan francais.

Dalam perkembangan sama, Nazri bagaimanapun berkata sumbangan perniagaan francais di negara ini masih terlalu kecil atau sekitar 5 peratus daripada jumlah jualan peruncitan, berbanding dengan 40 peratus di Amerika Syarikat.